

**PENINGKATAN TAHAP PENGETAHUAN DALAM PERKHIDMATAN,  
KHUSUSNYA TERHADAP PERKARA YANG MELIBATKAN KEPAKARAN  
ANGGOTA MERUPAKAN SATU KEPENTINGAN DALAM PERKHIDMATAN.  
APAKAH PANDANGAN ANDA TERHADAP PENYATAAN INI?**

Oleh 1170337 SJN MOHAMAD AMIROL BIN MERZUKI  
Rejimen Askar Melayu DiRaja

---

Tentera Darat merupakan satu organisasi dan cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mempunyai bidang kepakaran yang luas dan setiap satunya mempunyai peranan masing-masing dalam sesuatu operasi atau misi. Oleh yang demikian, peranan setiap seorang anggota adalah dianggap penting bagi memastikan sesuatu tugas dilakukan dengan jayanya. Seajar dengan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat ke-30 iaitu Sinergi 3M (*Man, Machine, Method*), dimana aspek pertama iaitu *Man* itu merujuk kepada kemenjadian sesuatu tugas di peringkat anggota itu sendiri di mana ia melibatkan tahap pengetahuan, kebolehan serta keupayaan dan kemahiran anggota dalam sesuatu tugas bagi memastikan Tentera Darat sentiasa bersedia dalam mengekang segala bentuk ancaman keselamatan. Peningkatan tahap pengetahuan serta penguasaan anggota dalam perkhidmatan secara langsung akan meningkatkan mutu kerja dan perkhidmatan dalam Tentera Darat sekaligus meningkatkan tahap kepakaran anggota seperti dalam bidang kejuruteraan, perubatan dan kesihatan serta komunikasi dan multimedia. Peningkatan tahap pengetahuan dalam perkhidmatan juga merupakan salah satu *career growth* dan satu proses yang berterusan bagi setiap anggota sepanjang tempoh perkhidmatan dengan menghadiri kursus-kursus kerjaya seiring dengan kenaikan pangkat. Selain daripada kursus-kursus kerjaya, *career growth* juga boleh dicapai dengan menjalani sebarang bentuk latihan yang dianjurkan oleh pasukan agar anggota membuka peluang untuk mencuba sesuatu yang baharu bagi meningkatkan potensi diri.

Peningkatan tahap pengetahuan juga merupakan matlamat utama untuk sebarang latihan atau menjadi misi utama Cawangan Latih di semua pasukan dan pusat-pusat latihan. Di pusat latihan, anggota diberikan pembelajaran dan latihan dengan menghadiri kursus mengikut bidang tugas masing-masing. Dalam Tentera Darat, orang baru yang direkrut akan didedahkan dengan ilmu-ilmu ketenteraan untuk meningkatkan pengetahuan mereka berkenaan dengan bidang kerja sebagai seorang tentera. Setelah melapor diri ke unit masing-masing, tahap pengetahuan mereka bukan sampai di situ sahaja. Mereka diberikan kursus bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan dipertingkatkan lagi kemahiran mereka agar lebih mahir di dalam bidang tugas mengikut kepakaran masing-masing. Disini kita dapat lihat bahawa peningkatan tahap pengetahuan adalah dititikberatkan dalam Tentera Darat dari awal penglibatan seorang anggota dalam dunia tentera sehingga ke akhir perkhidmatan.

Sebagai seorang Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) dalam Tentera Darat, saya berpendapat bahawa peningkatan tahap pengetahuan dalam perkhidmatan merupakan satu kepentingan terutamanya apabila melibatkan bidang kepakaran anggota. Tahap pengetahuan yang meningkat sekaligus akan mengembangkan tahap kecekapan dan kemahiran anggota., di mana amatlah penting untuk meningkatkan tahap kecekapan dan kemahiran anggota dari awal perkhidmatan hingga ke akhir bagi melahirkan anggota yang menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan Tentera Darat. Sebagai contoh, pengetahuan yang meluas serta peningkatan tahap kecekapan dalam bidang kejuruteraan tentera dapat membantu dalam inovasi peralatan dan kelengkapan ketenteraan untuk kegunaan pada masa hadapan. Dengan ini, Tentera Darat akan mengurangkan *outsourcing* iaitu kebergantungan pada sumber kepakaran luar untuk sesuatu bidang. Ini termasuk aspek kemahiran atau keperluan barangan dalam Tentera Darat. Sekiranya kebergantungan ini dapat dikurangkan atau tidak lagi bergantung kepada kepakaran luar, kos dalam kementerian dapat dikurangkan kerana sumber

kepakaran itu datang dari dalam Tentera Darat sendiri, dimana lebih murah berbanding *outsourc* *cost*. Bukan itu sahaja, bagi anggota atau pegawai yang terlibat dalam pemilihan kelengkapan atau persenjataan yang digunakan oleh semua anggota tentera akan lebih berpengetahuan luas dalam menilai kelengkapan atau senjata yang terbaik dengan meningkatkan pengetahuan secara berterusan kerana persenjataan dan kelengkapan tentera akan sentiasa berinovasi sama ada dari dalam atau luar negara.

Jika dilihat dari sudut bidang perubatan dan kesihatan ketenteraan, peningkatan tahap pengetahuan adalah bagi melahirkan lebih ramai pakar perubatan yang cekap dan amat penting dalam penjagaan kesihatan anggota tentera. Jika lebih ramai pakar perubatan dilahirkan dalam Tentera Darat, maka adalah lebih mudah rujukan kesihatan anggota dibuat tanpa perlu bergantung kepada pakar perubatan awam yang lain. Malah, anggota perubatan dan kesihatan Tentera Darat dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam mengendalikan alatan atau teknologi perubatan yang canggih seperti *Hyperbaric Chamber* yang terdapat di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju. Dengan ini, bidang perubatan dan kesihatan tentera dilihat mampu untuk berkembang dengan lebih jauh setanding dengan bidang perubatan awam dan swasta yang lain. Ini bukan sahaja berfokus kepada pegawai perubatan Kor Kesihatan DiRaja dalam Tentera Darat, tetapi juga melibatkan anggota yang bertugas sebagai pembantu pegawai perubatan, pembantu farmasi dan jururawat dalam Tentera Darat. Pengetahuan dan kemahiran mereka hendaklah dipertingkatkan secara terus-menerus bagi memastikan bidang kepakaran dalam perubatan Tentera Darat terus maju dan berkualiti.

Selain itu, peningkatan tahap pengetahuan dalam perkhidmatan akan memastikan anggota Tentera Darat bekerja di tahap yang optimum berdasarkan bidang kepakaran masing-

masing seiring dengan cabang perkhidmatan ATM yang lain seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia. Sebagai contoh, penggunaan teknologi yang canggih yang mana memerlukan tahap pengetahuan dan kecekapan yang tinggi seumpamanya pengendalian kenderaan perisai seperti ACV 300 Gempita dan Adnan. Ini bermaksud, setiap anggota unit kenderaan perisai atau lebih spesifiknya Unit Mekanize di pasukan masing-masing hendaklah meningkatkan pengetahuan dan kecekapan mereka seiring dengan perkembangan teknologi kenderaan perisai yang digunakan dalam Tentera Darat. Anggota yang bertugas dalam unit ini hendaklah sentiasa menjalani latihan dan kursus bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan mereka dalam mengendalikan kenderaan-kenderaan ini. Pengetahuan yang meluas berkenaan dengan kenderaan perisai yang digunakan dalam Tentera Darat membolehkan anggota mengendalikan kenderaan ini dengan cekap dan memahami mekanisme kenderaan itu sendiri bagi mempertingkatkan pengendalian mereka terhadap kenderaan ini.

Peningkatan tahap pengetahuan dalam perkhidmatan juga memastikan setiap lapisan anggota dan pegawai Tentera Darat di dalam bidang kepakaran masing-masing berupaya untuk menjalankan tugas dengan efisien sekiranya terdapat perubahan pada prosedur atau langkah kerja. Ini kerana tahap pengetahuan yang tinggi menyumbang kepada peningkatan tahap kecekapan sekaligus anggota dapat menyesuaikan diri serta belajar dengan cepat untuk menjalankan tugas sekiranya terdapat perubahan pada persekitaran atau langkah kerja. Hal ini adalah kerana organisasi Tentera Darat dikenali sebagai satu organisasi yang sentiasa bersedia seiring dengan peredaran masa untuk mengekang sebarang bentuk ancaman luar. Tidak dinafikan prosedur kerja akan mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi multimedia dan maklumat yang semakin berkembang pesat. Dengan berbekalkan tahap pengetahuan yang tinggi, anggota akan mampu untuk beradaptasi dengan

perubahan dengan lebih cepat berbanding dengan tahap pengetahuan yang rendah dimana anggota akan mungkin mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu prosedur yang baharu. Apabila anggota mampu untuk menyesuaikan diri dan memahami prosedur yang baru dengan lebih baik, maka tahap perkhidmatan dalam Tentera Darat dapat dipertingkatkan lagi seiring dengan perubahan semasa yang dirangka.

Menyokong kepada pandangan saya terhadap pernyataan ini, penugasan seorang anggota tentera adalah berdasarkan kategori pangkat, maka tahap pengetahuan anggota hendaklah berkembang sejajar dengan kenaikan pangkat dan perubahan terhadap penugasan. Contohnya, seorang anggota yang ingin melayakkan diri untuk kenaikan pangkat hendaklah menjalani sesuatu kursus kerjaya bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan dalam bidang masing-masing. Walau bagaimanapun, ia tidak hanya tertakluk kepada kenaikan pangkat semasa semata-mata. Segala kursus kerjaya yang dihadiri adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan anggota sebagai persediaan untuk menggalas tugas serta tanggungjawab yang baharu sekiranya dinaikkan pangkat kelak. Seorang anggota tidak boleh berada di takuk yang lama tanpa ada peningkatan pengetahuan dan kemahiran kerana kenaikan pangkat boleh dicapai pada bila-bila masa bergantung kepada kekosongan perjawatan di sesuatu Kor atau unit. Sebagai contoh yang lain, seorang anggota yang berpangkat Koperal hendaklah menuntut ilmu pengetahuan sebagai seorang yang berpangkat Sarjan sebagai persediaan untuk kenaikan pangkat di kemudian hari. Ini kerana, anggota yang berpencen atau berhenti dalam perkhidmatan akan sentiasa ada dan bilangan untuk sesuatu jawatan dan perjawatan akan berubah serta sentiasa ada kekosongan. Oleh yang demikian, kebarangkalian untuk seseorang anggota berada di suatu pangkat yang sama dalam tempoh yang sangat lama adalah tipis. Maka, peningkatan tahap pengetahuan bagi semua anggota adalah sangat penting sebagai persediaan untuk perkembangan karier dalam bidang tugas

masing-masing.

Selain daripada itu, peningkatan tahap pengetahuan merupakan satu kepentingan kepada anggota Tentera Darat kerana anggota dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang ada di dalam bidang masing-masing ke tempat bertugas. Sebagai contoh, anggota yang menghadiri kursus senjata dapat meningkatkan pengetahuan serta kepakaran mereka dalam mengendalikan pelbagai jenis senjata tidak kira senjata kecil atau senjata berat. Bagi anggota yang mempunyai kepakaran yang mendalam dalam pengendalian senjata berat, kemahiran itu adalah sangat berguna lebih-lebih lagi sekiranya ditugaskan di Pasukan Aturgerak Cepat (PAC). Ilmu pengetahuan seperti ini juga merupakan satu bentuk aset kepada Tentera Darat yang dapat membantu Tentera Darat untuk terus sentiasa bersedia dalam apa jua kebarangkalian ancaman keselamatan sama ada dari dalam atau luar negara. Disini kita lihat bahawa peningkatan ilmu pengetahuan bukan sahaja hanya berguna kepada seseorang anggota tersebut untuk peningkatan karier tetapi juga akan memberikan impak dan hasil yang positif kepada Tentera Darat secara keseluruhannya.

Akhir sekali, peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran seorang anggota bukan sahaja dapat memberi faedah kepada anggota dan Tentera Darat tetapi juga kepada masyarakat awam. Seperti yang sering kita lihat sekarang, terdapat banyak pendekatan yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk melibatkan Tentera Darat dalam aktiviti kebajikan yang melibatkan masyarakat seperti Projek Jiwa Murni. Hubungan kerjasama di antara Tentera Darat dan awam dikenali sebagai *Civil-Military Co-operation* (CIMIC) semakin rancak diadakan untuk mengeratkan hubungan di antara kedua-dua belah pihak. Dalam mencapai misi projek-projek kebajikan seperti ini, unit elemen pakar seperti Kor Kesihatan DiRaja dan Rejimen Askar Jurutera DiRaja sangat banyak menyumbangkan usaha dan

kepakaran mereka. Ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam Tentera Darat boleh disumbangkan bukan sahaja kepada organisasi Tentera Darat tetapi juga kepada masyarakat awam.

Untuk meningkatkan tahap pengetahuan anggota terutamanya melibatkan bidang kepakaran masing-masing, beberapa cadangan diberikan. Cadangan yang pertama ialah dijalankan *in-house-training* atau latihan dalam pasukan yang berkala untuk semua anggota di peringkat pasukan masing-masing. Latihan ini boleh dijalankan di luar pasukan dan dinilai oleh pegawai pasukan atau jurulatih yang berada di dalam pasukan tersebut. Latihan dalam pasukan seperti ini adalah lebih berkesan untuk pemahaman anggota sekaligus meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan mereka kerana berada di dalam pasukan sendiri dan terdedah dengan persekitaran sebenar di tempat kerja. Kelas dalam pasukan juga boleh diberikan oleh anggota yang baru sahaja habis berkursus kepada anggota lain dalam pasukan untuk berkongsi ilmu pengetahuan yang baharu diperolehi semasa dalam kursus.

Selain itu, anggota yang berkecukupan dari segi tempoh perkhidmatan, akademik dan prestasi kerja yang cemerlang boleh diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi meningkatkan tahap pengetahuan atau kemahiran ke institusi-institusi pendidikan dan kemahiran seperti Institut Kemahiran Mara (IKM) atau Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Peluang ini boleh diberikan kepada anggota yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia yang cemerlang agar melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dalam bidang kepakaran masing-masing. Bidang kepakaran yang boleh diketegahkan adalah seperti jurusan elektrik bagi Rejimen Semboyan DiRaja, kulineri dan hospitaliti bagi Kor Perkhidmatan DiRaja, pengurusan sistem pejabat bagi Kor Perkhidmatan Am dan kejururawatan serta separa perubatan bagi Kor Kesihatan DiRaja. Tahap pengetahuan anggota dapat

dipertingkatkan lagi dengan cara ini dan boleh disumbangkan ke dalam perkhidmatan Tentera Darat.

Akhir cadangan ialah insentif *one-off* boleh diberikan kepada anggota yang melanjutkan pelajaran ke institusi kemahiran awam dan yang menyertai kursus kerjaya. Insentif yang diberikan ini dapat meningkatkan semangat anggota untuk terus meningkatkan tahap pengetahuan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing. Ini adalah untuk menunjukkan penghargaan dan memberikan motivasi kepada usaha anggota dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Selain daripada anggota yang melanjutkan pelajaran dan berkursus, insentif atau sijil boleh juga diberikan kepada anggota yang menyertai apa sahaja pertandingan anjuran Tentera Darat di peringkat Divisyen atau Briged. Pertandingan yang dianjurkan secara tidak langsung akan membuka peluang kepada anggota meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang ada serta mempamerkan bakat masing-masing.

Kesimpulannya, peningkatan tahap pengetahuan merupakan satu kepentingan dalam kalangan anggota Tentera Darat sepanjang perkhidmatan. Peningkatan tahap pengetahuan merupakan satu proses yang berterusan bagi seorang anggota dari awal sehingga ke akhir perkhidmatan. Antara kepentingan untuk meningkatkan tahap pengetahuan ialah dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan anggota agar perkhidmatan mereka dalam Tentera Darat berada pada tahap yang optimum dan berkualiti. Malahan, peningkatan tahap pengetahuan dapat melahirkan lebih ramai pakar perubatan dalam Tentera Darat dan membawa kepada perkembangan perkhidmatan kesihatan tentera setanding dengan awam dan swasta. Selain itu, kecekapan dan kemahiran anggota dalam pengendalian kenderaan perisai dan senjata kecil atau berat dapat dipertingkatkan lagi dengan menitikberatkan peningkatan

tahap pengetahuan melalui penyertaan kursus kerjaya. Tahap pengetahuan anggota yang telah dipertingkatkan akan dapat diaplikasikan dalam bidang kepakaran masing-masing dan menyumbang kepada perkembangan aset manusia dalam Tentera Darat secara umumnya. Peningkatan tahap pengetahuan serta kemahiran dalam kalangan Tentera Darat dapat disumbangkan juga kepada masyarakat umum dengan penglibatan Tentera Darat dalam misi-misi kemasyarakatan melalui pendekatan *Civil-Military Co-operation* (CIMIC). Dengan ini, boleh dilihat sejauh mana kepentingan peningkatan tahap pengetahuan dalam kalangan anggota Tentera Darat terutamanya apabila melibatkan bidang kepakaran masing-masing. Oleh itu, amatlah digalakkan agar semua anggota dan pegawai dalam Tentera Darat untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing sepanjang perkhidmatan mereka.

(2,050 patah perkataan)